

10/09/2000

PM, sembilan penasihat MSC berbincang

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengadakan perbincangan dengan sembilan lagi anggota dan wakil Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), semalam.

Sama seperti kelmarin, perbincangan itu yang diadakan di pejabat beliau di sini, menyentuh beberapa perkara berkaitan MSC, seperti kemajuan yang dicapai setakat ini dan pembangunan yang dirancang seterusnya.

Antaranya, Presiden (Operasi BT Ignite) British Telecoms, Richard Slogrove; Naib Pengerusi Lucent Technologies, Ben Verwaayen; Pengarah Institut Sains Komputer dan Teknologi Universiti Peking, Prof Wang Xuan; Ketua Penyelidik dan Pengarah Pejabat Sains Sun Microsystems Inc, Dr John Gage.

Yang lain ialah, Pengarah Urusan (Asia Pasifik) Reuters, Jan Coos Geesink; Presiden Nokia Networks, Mikko Heikkonen; Penasihat Kanan Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa, Diana Lady Dougan; Naib Presiden (Asia Pasifik) EDS Corporation, Vincent H Madsen dan Presiden Kumpulan Rangkaian Maklumat dan Komunikasi Siemens AG, Dr Roland Koch.

Perjumpaan berlangsung selama empat jam itu turut dihadiri Naib Presiden Kanan Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC), Dr Arif Nun.

Kelmarin, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan lapan anggota dan wakil IAP MSC.

Mesyuarat tiga hari IAP itu, yang bermula Jumaat lalu di Cyberjaya berakhir semalam. Ini adalah mesyuarat keempat sejak ia ditubuhkan pada 1997.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan itu, Verwaayen berkata, beliau menyampaikan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri atas pembangunan MSC dan berpendapat penubuhannya tepat pada masanya memandangkan kawasan pesat dengan pembangunan infrastruktur.

Beliau kagum melihat pembabitan industri kecil dan sederhana milik Melayu dalam kerja pembangunan infrastruktur di kawasan MSC.

"Sebenarnya mereka mempunyai lebih banyak peluang sekarang berbanding dulu untuk menceburi pasaran peringkat antarabangsa, bukan saja peringkat tempatan.

"Bagaimanapun, kebanyakan syarikat ini memerlukan bantuan serta pendidikan lanjutan untuk membolehkan mereka meneruskan perniagaan sejajar dengan konsep dan matlamat melahirkan masyarakat yang berkualiti.

"Syarikat kami bersedia membantu menerusi kerjasama dengan mereka supaya dapat meneroka peluang yang ada," katanya.

Sementara itu, Diana pula berkata, pembangunan MSC tidak seharusnya bertumpu kepada aspek perkembangan teknologi semata-mata, tetapi perlu diimbangi dengan pembangunan kemanusiaan.

Sehubungan itu, katanya, aspek latihan dan pendidikan perlu diberi keutamaan supaya pembangunan MSC relevan dengan semua golongan masyarakat, termasuk golongan tua.

"Kita harus mengambil kira golongan ini, sekurang-kurangnya mereka tahu bagaimana menggunakan e-mel.

"Hal sedemikian perlu diambil kira kerana perkembangan teknologi boleh memberi kesan terhadap kehidupan kita. Kita mahu pastikan perkembangan teknologi dalam memberi kehidupan kemanusiaan yang berkualiti," katanya.

(END)